

**MEDIA : Berita Harian**

**TITLE : Rohaida wanita pertama teraju Scomi Engineering**

**COMPANY : Scomi Engineering Bhd**

**DATE : 30 July 2016**

# Rohaida wanita pertama teraju Scomi Engineering

➔ Diberi kepercayaan galas tanggungjawab CEO pastikan monorel selamat diguna



Oleh Saadiah Ismail  
saadiah\_ismail@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**M**engemudi sebuah syarikat yang bertanggungjawab menyediakan prasarana pengangkutan awam seperti monorel, bas dan kenderaan khas bukan perkara mudah.

Pelbagai aspek perlu diberi keutamaan, khususnya keselamatan, namun bagi Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Scomi Engineering Bhd (SEB), Rohaida Ali Badaruddin, 47, tanggungjawab digalas dengan sebaiknya kerana ia memabatkan nyawa orang ramai dan imej syarikat.

Beliau dilantik menjadi CEO wanita pertama di syarikat terbabit bermula pada Mac lalu, amat memenuhi kriteria sebagai seorang ketua.

Pengetahuan dalam bidang ini begitu luas selepas 16 tahun berkhidmat di syarikat terbabit termasuk pernah memegang jawatan Presiden Scomi Engineering. Justeru, tidak hairan kredibilitinya di kagumi.

Biarpun baharu menjawat jawatan itu, aspek keselamatan produk dihasilkan berada paling atas sekali tanpa sebarang kompromi kerana itu antara tugas dan tanggungjawab utama kepada masyarakat.

### Sentiasa pantau

Katanya, monorel antara produk dihasilkan SEB dan menjadi pilihan masyarakat bandar memandangkan ia memberi banyak manfaat.

"Biarpun setiap bahagian ada ketua masing-masing, saya juga

harus memantau dari semasa ke semasa.

"Bermula daripada lakaran, penghasilan badan monorel dan sistem perisian harus menepati standard ditetapkan supaya tiada sebarang kemalangan berlaku akibat kecuaiannya daripada pihaknya," katanya.

Rohaida berkata, bagi menghasilkan monorel menepati standard dan kualiti, sekurang-kurangnya tiga tahun masa diambil sebelum ia boleh beroperasi sepenuhnya.

"Saya juga turun padang melihat penghasilan monorel di kilang yang terletak di Rawang," katanya.

Demi memenuhi keperluan masyarakat yang kini memilih menggunakan pengangkutan awam, pihaknya berusaha menghasilkan monorel lebih besar.

"Dulu kami menghasilkan monorel dua gerabak, sekarang kami menghasilkan empat gerabak dengan kapasiti 122 penumpang dalam satu-satu masa.

"Setakat ini, sudah enam monorel beroperasi di ibu kota dan baki enam lagi akan disiapkan sepenuhnya menjelang 2017," katanya.

### Keja dengan ikhlas

Kehebatan monorel dihasilkan syarikat tempatan ini berjaya menarik minat beberapa buah negara luar bagi mendapatkan kepakaran berkenaan.

Mumbai, India dan Brazil antara negara yang sedang giat menghasilkan monorel mereka tetapi menggunakan kemahiran sepenuhnya daripada anak jati negara ini.

Rohaida berkata, biarpun negara itu mempunyai kepakaran jurutera masing-masing, namun masih lagi menginginkan kemahiran daripada mereka.

"Ini bermaksud, produk kita juga diterima baik di luar negara sekali gus dapat meluaskan pasaran monorel ini.

"Kita sedang meneliti beberapa buah negara seperti Turki, Sri Lanka dan Filipina termasuk Amerika Syarikat untuk masuk ke pasaran mereka," katanya.

Biarpun berdepan dengan situasi pekerjaan yang memerlukan ketelitian demi keselamatan, beliau tidak akan membiarkan tekanan mendominasi dirinya.

"Baginya, kerja adalah kerja dan perlu dibuat dengan penuh amanah.

"Saya tiada sasaran dalam pekerjaan kerana saya lakukan kerja dengan ikhlas," katanya yang menjelaskan syarikat itu mempunyai 100 jurutera.



Ini bermaksud, produk kita juga diterima baik di luar negara sekali gus dapat meluaskan pasaran monorel ini. Kita sedang meneliti beberapa buah negara seperti Turki, Sri Lanka dan Filipina termasuk Amerika Syarikat untuk masuk ke pasaran mereka"

**Rohaida Ali Badaruddin,**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Scomi Engineering Bhd



**Rohaida Ali Badaruddin**

### Info

➔ **Jawatan sekarang:** CEO Scomi Engineering Bhd (SEB), sejak Mac 2016

➔ **Umur:** 47 tahun

➔ **Pendidikan:** Lulusan Matematik (Sains Komputer), Universiti of Texas, El Paso, Amerika Syarikat.

- Mengikuti Program Pengurusan Lanjutan (AMP), Universiti Harvard, Boston, Amerika Syarikat (2014).

➔ **Kerjaya:** Pengurus Jabatan Kemudahan Komersial, Projek Lebuh raya Utara-Selatan (PLUS) bermula 1991.

- Menyertai Kumpulan Scomi Berhad -

tahun 2000 hingga sekarang.

➔ **Monorel di Malaysia:**

- KL Monorail, Kuala Lumpur  
- Sunway Monorail, Bandar Sunway, Selangor- Melaka Monorail, Bandaraya Melaka.

➔ **Beberapa lagi** sistem monorel sudah dicadangkan atau sedang dibangunkan:

- Genting Monorail yang dibuka pada 1994 di Genting Highlands boleh dianggap sebagai monorel pertama di Malaysia (cuma monorel hiburan dan bukan monorel pengangkutan sebenar).

[FOTO OSMAN ADNAN/BH]



**Rohaida bersama kakitangan Scomi** ketika memantau kerja penyelenggaraan monorel di depoh monorel.